

25 JUL 2001

PERDANA MENTERI HADIRI MAJLIS KESYUKURAN BERSAMA PENDUDUK LIKAS

KOTA KINABALU, 25 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri majlis kesyukuran bersama rakyat Likas Isnin ini sebagai meraikan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri bagi kawasan itu Sabtu lepas.

Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat berkata Dr Mahathir akan menghadiri majlis itu dalam rangka lawatan sehari beliau ke Sabah.

Majlis yang akan berlangsung di Pusat Dagangan Sabah (STC) di Teluk Likas itu dijangka dihadiri kira-kira 1,000 orang, kata Chong kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet negeri hari ini.

Pada pilihan raya kecil itu, calon BN Datuk Yong Teck Lee menang dengan majoriti besar sebanyak 7,541 undi menewaskan calon Parti Bersatu Sabah (PBS) Dr Chong Eng Leong, calon Keadilan Christine Liew dan calon bebas Joshua Kong.

-- BERNAMA

HAK NMO